

**Perbadanan Taman Negeri Pahang (PTNP)** ingin mempelawa individu-individu yang berkelayakan, dinamik, mempunyai ciri-ciri kepimpinan dan berpengalaman luas dalam pengurusan alam sekitar dan biodiversiti bagi mengisi kekosongan jawatan seperti berikut:

## KETUA EKSEKUTIF (KONTRAK)

### **Syarat Kelayakan Minimum:**

1. Warganegara Malaysia.
2. Berumur sekurang-kurangnya 45 tahun pada tarikh tutup iklan.
3. Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perhutanan/ Alam Sekitar/ Botani/ Ekologi/ Tanah/ Pengurusan Perniagaan/ Pentadbiran/ Kewangan atau bidang berkaitan yang diiktiraf atau setara dengannya.
4. Pengalaman kerja minimum 15 tahun dalam pentadbiran.  
**Keutamaan bagi calon yang memiliki pengalaman dalam bidang alam sekitar dan biodiversiti.**
5. Memiliki sifat kepimpinan yang cemerlang, komited, berintegriti, berwawasan dan profesional bagi Perbadanan Taman Negeri Pahang menguruskan, membangunkan sektor pelancongan berasaskan alam semulajadi dan pemeliharaan serta pemuliharaan biodiversiti.
6. Berkebolehan mengurus hal-hal pentadbiran, kewangan, sumber manusia dan aset serta berperanan sebagai **Sekretariat, Majlis Biodiversiti Pahang**.
7. Berkeupayaan merancang pengurusan kewangan, promosi, strategi pemasaran dan mengenal pasti sumber hasil baharu dari sektor pelancongan berasaskan alam semulajadi dan pemeliharaan serta pemuliharaan biodiversiti.
8. Resume lengkap (termasuk nombor telefon, gambar berukuran pasport dan gaji dipohon) hendaklah dihantar ke alamat berikut sebelum / pada **20 Disember 2021**:

**Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang  
Tingkat 2, Blok B  
Wisma Sri Pahang  
25503 Kuantan  
Pahang Darul Makmur**

### **PERHATIAN**

*Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Pemohon yang tidak menerima apa-apa pemberitahuan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan tidak berjaya.*